

SEKSYEN 6

Sektor Awam Disatukan

91 SEKTOR AWAM DISATUKAN

91 KERAJAAN AM

92 KERAJAAN NEGERI

**93 SYARIKAT AWAM BUKAN
KEWANGAN**

95 KESIMPULAN

SEKSYEN 6

Sektor Awam Disatukan

Sektor Awam Disatukan

Kedudukan sektor awam disatukan (CPS) merangkumi gabungan aktiviti fiskal Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat awam bukan kewangan (SABK). Analisis komprehensif ini memberikan pandangan yang menyeluruh mengenai kedudukan kewangan sektor awam. Pelaporan CPS sebagai satu entiti atau unit membolehkan penyelarasan dasar fiskal yang lebih baik sekali gus memudahkan penggubal dasar dan pihak berkepentingan untuk menilai kesan agregat aktiviti sektor awam terhadap objektif ekonomi dan pembangunan. Penggunaan prinsip dan metodologi yang digariskan di bawah Government Finance Statistics Manual (GFSM) 2014 dapat memperkemas pelaporan fiskal selari dengan piawaian antarabangsa.

Walaupun hasil dijangka lebih tinggi pada tahun 2025, namun lebihan semasa CPS diunjur lebih rendah sebanyak RM29.1 bilion

disebabkan oleh lebihan yang lebih kecil seperti dilaporkan oleh SABK. Perbelanjaan pembangunan (DE) disatukan dijangka berkurang sebanyak 2.7% kepada RM180.2 bilion mencerminkan perbelanjaan modal yang lebih rendah seiring dengan tahun terakhir Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Kedudukan CPS dijangka mencatat defisit keseluruhan yang lebih besar sebanyak RM151.1 bilion pada 2025 atau 7.5% daripada KDNK selepas pengasingan transaksi antara unit sektor awam.

Kerajaan Am

Kerajaan am terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan Badan Berkanun Persekutuan. Secara dasarnya, kerajaan am mengukur keseluruhan fungsi ekonomi pada pelbagai peringkat kerajaan sebagai satu entiti tunggal dalam penyediaan barang dan perkhidmatan

JADUAL 6.1. Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan, 2024 – 2026

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2024	2025 ¹	2026 ²	2024	2025 ¹	2026 ²
Hasil	336,020	347,846	365,537	3.6	3.5	5.1
Perbelanjaan mengurus	372,257	384,736	390,329	4.5	3.4	1.5
Baki semasa	-36,237	-36,890	-24,792	13.4	1.8	-32.8
Baki semasa SABK	97,569	65,952	81,699	-9.1	-32.4	23.9
Baki semasa sektor awam	61,332	29,062	56,907			
Perbelanjaan pembangunan	185,109	180,175	188,385	5.3	-2.7	4.6
Kerajaan am	89,037	85,454	88,495	-7.8	-4.0	3.6
SABK	96,072	94,721	99,890	21.1	-1.4	5.5
Baki keseluruhan	-123,777	-151,113	-131,478			
% daripada KDNK	-6.4	-7.5	-6.2			

¹ Anggaran disemak

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

awam serta agihan semula pendapatan dan kekayaan. Hasil kerajaan am disatukan dianggarkan meningkat kepada RM402.5 bilion pada 2025 berikutan kutipan cukai yang lebih baik oleh Kerajaan Persekutuan terutamanya susulan semakan semula cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Perbelanjaan mengurus (OE) disatukan dianggarkan meningkat sebanyak 3.4% kepada RM385.2 bilion berikutan peruntukan emolumen yang lebih tinggi. Oleh itu, lebihan semasa kerajaan am dianggarkan mengecil kepada RM17.2 bilion. Walau bagaimanapun, DE disatukan diunjur berkurang 4% kepada RM85.5 bilion terutamanya disebabkan oleh program dan projek utama RMKe-12 yang hampir siap. Defisit kerajaan am disatukan dijangka mencecah RM68.2 bilion atau 3.4% daripada KDNK pada 2025 selepas semua pindahan dan pinjaman bersih diasingkan.

Sumber utama bagi membiayai defisit kerajaan am ialah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Artikel 111 dan 112 Perlembagaan Persekutuan membolehkan kerajaan negeri meminjam daripada atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Sementara itu, Sabah dan Sarawak dibenarkan meminjam di bawah undang-undang negeri dengan kelulusan Bank Negara Malaysia.

Kerajaan tempatan turut dibenarkan membuat pinjaman tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri. Badan Berkanun Persekutuan boleh mendapatkan pembiayaan dengan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan¹. Kawalan berpusat ini bertujuan memastikan pendedahan risiko kredit kerajaan am terkawal dan diuruskan pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan diunjur kekal berdaya tahan pada 2025 walaupun jumlah hasil dianggarkan lebih rendah iaitu RM38.4 bilion. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh hasil janaan negeri yang berkurang 7.1% dan dijangka mencatat RM29.5 bilion pada 2025. Sarawak, Sabah, Selangor, Johor dan Perak secara kolektif mewakili 84% daripada hasil janaan negeri disatukan. Namun begitu, sumbangan daripada pemberian dan serahan Kerajaan Persekutuan kekal tinggi iaitu sekitar 23% daripada jumlah hasil disatukan.

Jumlah kutipan cukai diunjur kekal stabil iaitu RM13.1 bilion atau 34.2% daripada hasil disatukan. Cukai tidak langsung dijangka mencatat RM8.7 bilion atau 66.1% daripada

JADUAL 6.2. Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan, 2024 – 2026

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2024	2025 ¹	2026 ²	2024	2025 ¹	2026 ²
Hasil	397,562	402,453	410,855	4.4	1.2	2.1
Perbelanjaan mengurus	372,698	385,222	390,841	4.5	3.4	1.5
Baki semasa	24,864	17,231	20,014			
Perbelanjaan pembangunan	89,037	85,454	88,495	-7.8	-4.0	3.6
Baki keseluruhan	-64,173	-68,233	-68,481			
% daripada KDNK	-3.3	-3.4	-3.2			

¹ Anggaran disemak

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

¹ Seksyen 5 Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999.

kutipan cukai terutamanya daripada cukai jualan yang dikutip di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, cukai langsung yang sebahagian besar disumbangkan oleh cukai berkaitan tanah dianggar meningkat kepada RM4.4 bilion berbanding RM4 bilion pada 2024. Hasil bukan cukai terutamanya daripada royalti, pendapatan pelaburan dan premium tanah dijangka mencatat RM14.8 bilion atau 38.5% daripada jumlah hasil disatukan. Baki selebihnya merupakan terimaan bukan hasil termasuk serahan daripada Kerajaan Persekutuan.

JADUAL 6.3. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan, 2024 – 2025

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2024	2025 ¹	2024	2025 ¹
Hasil	41,252	38,382	6.7	-7.0
Perbelanjaan mengurus	18,500	19,617	10.9	6.0
Baki semasa	22,752	18,765		
Perbelanjaan pembangunan kasar	14,048	16,929	18.3	20.5
Kumpulan Wang Pembangunan	13,801	16,591	17.7	20.2
Kumpulan Wang Bekalan Air	247	338	65.8	36.8
Tolak: Terimaan balik pinjaman	320	268	-20.2	-16.3
Perbelanjaan pembangunan bersih	13,728	16,661	19.6	21.4
Baki keseluruhan	9,024	2,104		
% daripada KDNK	0.5	0.1		

¹ Anggaran

Sumber: Kerajaan negeri dan Kementerian Kewangan Malaysia

Dari segi perbelanjaan, OE negeri disatukan dijangka meningkat sebanyak 6% dan mencecah RM19.6 bilion pada 2025. Peningkatan ini mencerminkan peruntukan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan dan bekalan serta emolumen selaras dengan komitmen negeri dalam meningkatkan kecekapan pentadbiran dan penyampaian

perkhidmatan utama. Lebihan semasa negeri dijangka lebih sederhana kepada RM18.8 bilion pada 2025 berikutan hasil yang lebih rendah dan peningkatan OE. Sementara itu, DE bersih disatukan diunjur sebanyak RM16.7 bilion dengan tumpuan kepada projek pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya, menaik taraf infrastruktur bekalan air, tebatan banjir serta kerja pengubahsuaian dan pembaikan. Secara keseluruhan, kerajaan negeri dijangka mengekalkan kedudukan fiskal dengan baki keseluruhan mencatat lebih sebanyak RM2.1 bilion atau 0.1% daripada KDNK pada 2025.

Syarikat Awam Bukan Kewangan

Kedudukan kewangan disatukan SABK dijangka terus menyederhana pada 2025 disebabkan oleh persekitaran operasi yang kurang memberangsangkan berikutan ketidaktentuan semasa dengan hasil keseluruhan berkurang kepada RM446.5 bilion atau 22.2% daripada KDNK. Penyusutan hasil yang lebih ketara berbanding penurunan dalam perbelanjaan dianggar mencatat lebih semasa yang lebih rendah sekitar RM14.6 bilion. Lebihan yang semakin mengecil ini sejajar dengan perkembangan luaran terutamanya dipengaruhi oleh pergerakan harga tenaga global.

Keseluruhan hasil SABK diunjur berkurang terutamanya berpunca daripada tekanan dalam sektor minyak dan gas yang terjejas berikutan harga minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) global yang lebih rendah. Selain itu, prestasi hasil turut dipengaruhi oleh penstrukturan semula operasi yang sedang dilaksanakan dalam segmen dan kawasan terpilih setelah mengambil kira perubahan dasar dan strategi komersial. Walau bagaimanapun, industri berkaitan tenaga dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh peningkatan permintaan elektrik daripada segmen pertumbuhan tinggi seperti pusat data serta peningkatan dalam mekanisme pelarasan kos. Prestasi

sektor ini juga disokong oleh pembaharuan struktur tarif terkini. Sementara itu, sektor telekomunikasi merekodkan pertumbuhan sederhana didorong oleh permintaan yang konsisten terhadap perkhidmatan jalur lebar dan digital. Secara keseluruhan, trend sektoral menunjukkan bahawa cabaran ekonomi global dan domestik memberikan kesan yang tidak seimbang kepada sektor berkaitan komoditi dan berasaskan perkhidmatan.

Jumlah perbelanjaan SABK pada 2025 diunjur sebanyak RM526.7 bilion atau 26.1% daripada KDNK dengan perbelanjaan semasa dijangka berkurang kepada RM432 bilion. Penurunan ini menunjukkan usaha berterusan bagi meningkatkan kecekapan operasi dan penyusunan semula keutamaan perbelanjaan dengan mengambil kira perubahan struktur kos dan keadaan semasa makroekonomi. Walau bagaimanapun, perbelanjaan modal dianggar kekal kukuh pada RM94.7 bilion selaras dengan komitmen berterusan bagi pelaburan dalam segmen strategik seperti tenaga, infrastruktur dan kemudahan awam. Defisit keseluruhan SABK dijangka meningkat daripada RM57.8 bilion pada 2024 kepada RM80.2 bilion pada 2025 berikutan penurunan hasil melebihi pengurangan perbelanjaan.

JADUAL 6.4. Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Bukan Kewangan¹ Disatukan, 2024 – 2025


	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2024	2025 ²	2024	2025 ²
Hasil	497,866	446,543	-4.0	-10.3
Perbelanjaan semasa	459,598	431,981	-1.3	-6.0
Baki semasa	38,268	14,562		
Perbelanjaan modal	96,072	94,721	21.1	-1.4
Baki keseluruhan	-57,804	-80,159		
% daripada KDNK	-3.0	-4.0		

¹ Merujuk kepada 31 SABK utama

² Anggaran

Sumber: Syarikat awam bukan kewangan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 6.1. Aset dan Liabiliti Syarikat Awam Bukan Kewangan¹



¹Akhir 2024

Sumber: Syarikat awam bukan kewangan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sehingga akhir 2024, kedudukan kewangan kekal kukuh dengan aset berjumlah RM1,528 bilion berbanding liabiliti sebanyak RM792.8 bilion seterusnya menjadikan aset bersih sebanyak RM735.2 bilion iaitu hampir separuh daripada jumlah keseluruhan aset. Kedudukan kewangan yang baik menunjukkan keupayaan SABK untuk menyokong program pelaburan sedia ada di samping memastikan kemampunan jangka masa panjang.

Pembangunan negara terus dipacu oleh SABK dengan peruntukan perbelanjaan modal disalurkan terutamanya kepada projek peralihan tenaga serta menaik taraf infrastruktur pengangkutan dan digital. Pelaburan tersebut menunjukkan komitmen SABK dalam menyokong pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang dan agenda kemampunan meskipun berdepan ketidakstabilan ekonomi global. Di samping itu, strategi korporat dan kecekapan operasi SABK turut dipengaruhi oleh perkembangan dasar domestik dan rangka kerja kawal selia.

Kesimpulan

Entiti sektor awam akan kekal sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan terangkum berpandukan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030. Secara khusus, SABK berfungsi sebagai pemboleh daya utama dalam mewujudkan peluang pekerjaan, memacu keutamaan strategik dan menarik pelaburan swasta dengan memanfaatkan sumber awam untuk mencipta peluang baharu dan menggalakkan penglibatan sektor swasta secara lebih meluas. Pada masa yang sama, kejayaan entiti milik awam di luar negara mengesahkan kepentingan peranan Malaysia di persada antarabangsa.

Secara keseluruhan, entiti sektor awam memacu pembangunan negara melalui kerjasama erat awam-swasta dalam memajukan sektor strategik seperti ekonomi digital, pertumbuhan hijau dan industri bernilai tinggi. Kerjasama ini disokong melalui peningkatan pelaburan sektor awam dalam projek pembangunan di samping pembaharuan berterusan demi memperkukuh kecekapan dan ketelusan. Langkah tersebut mencerminkan kepentingan peranan entiti sektor awam dalam memastikan kemampanan fiskal negara sekaligus merealisasikan aspirasi pembangunan nasional Malaysia.